



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 27 BILANGAN 41

RABU 13HB OKTOBER, 1982.

رابو 24 ذوالحجة 1402

PERCHUMA

CHORAK PENDIDEKAN SEKARANG UNTOK FAEDAH MASA DEPAN

GADONG. — Kita harus insaf bahawa chorak pendidekan yang kita gariskan pada masa ini bukan hanya untuk faedah ketika ini, bahkan kesan-nya akan melibatkan burok baik-nya masyarakat kita yang akan datang.

Oleh itu, kita harus per-chaya kepada diri sendiri kerana kita lebih dekat dan lebih merasakan apa yang kita inginkan, maka ada-lah lebih wajar supaya kita sendiri menentukan bagaimana mencapai keinginan itu.

Kata-nya, dalam pada itu pandangan2 dari luar dan kemajuan-nya yang begitu pesat akan sentiasa kita hargai, bahawa maslah banyak terdapat perkara2 yang belum kita berkeupayaan.

Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman telah berucap demikian ketika merasmikan Mashuarat Agong Persatuan

Pendidek Nasional Brunei di-Dewan Mashuarat, Pusat Tingkatan Enam, Gadong, pada hari Ahad, 10hb. Oktober yang lalu.

Beliau menyatakan guru2 keseluruhannya, dari peringkat sekolah rendah kepada sekolah tinggi, akan menentukan kualiti belia2 tempatan yang akan menganggotai masyarakat yang akan datang.

"Hakikat ini membawa makna bahawa burok baik-nya negeri ini banyak terserah kepada guru2 kerana mereka-lah yang mendidik dan menghasilkan anggota2 masyarakat di-berbagai peringkat," tegas-nya.

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman menaruh kepercayaan bahawa Persatuan Pendidek Nasional mempunyai objektif-nya yang begitu tegas, menginsafi bahawa masyarakat Brunei mempunyai harapan yang begitu tinggi terhadap gulungan guru2 sa-bagai penggerak utama pembangunan negara dan sa-bagai pembentuk anggota2 masyarakat.

Beliau menyatakan bahawa sekolah tidak hanya memberikan ilmu pengetahuan tetapi yang di-pen-

tingkan ia-lah sa-bagai tempat saloran untuk mengasah dan mendidik murid2 dengan chiri kehidupan orang2 Brunei yang menginginkan supaya di-per-tahankan susila ketimoran yang penoh bertata-tertib dan menghintai kemajuan dan pembangunan bangsa dan negara.

Kata-nya, proses mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan memajukan pendidekan tidak sepatut-nya mengorbankan asas2 pembentukan masyarakat Brunei yang menghintai kehidupan yang menggabungkan ketinggian mutu rohani dan kemajuan kebendaan yang luhur dan murni.

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan berharap kedua-dua buah Pertubuhan Guru-guru yang ada sekarang ini perlu membantu perkembangan masyarakat dalam bidang professional-nya sa-bagai anggota2 dalam sa-buah "team" dan bukan-nya sa-bagai dua "rivals" yang berlainan haluan.

Pada hakikat-nya, tambah-nya, kita tidak lagi patut berada pada peringkat untuk membincangkan langkah2 bagaimana mengelakkan "overlapping" dan "duplication", kerana kita sudah sepatut-nya berada pada peringkat memulakan langkah2

bagaimana menjalinkan kerjasama pada menyumbangkan buah fikiran dan saranan yang berkebaikan untuk faedah2 ilmu pengetahuan dan asohan serta lain2 bidang yang berguna bagi negeri ini.

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan seterusnya menyatakan bahawa Kerajaan Kebawah DYMM melalui Jabatan Pelajaran sedang giat memperkemas dan memperluas kursus2 teknikal dan mengadakan hubungan2 dengan badan2 di-luar negeri semata-mata untuk tujuan mempertingkatkan taraf pelajaran teknikal di-negeri ini.

"Dalam jangka tempoh yang pendek, saya ingin menyanamkan harapan semoga pertubuhan2 guru2 am-nya dan Persatuan Pendidek Nasional khas-nya akan dapat serna2 berfikir dan menumpukan perhatian pada men-chari langkah2 yang sesuai untuk menarek minat lebih ramai lagi pelajar2 kita berkecimpung dalam pelajaran teknikal ini, kerana kita tidak selama-lama-nya bergantung kepada tenaga2 mahir yang di-datangkan dari luar," jelas-nya.

Lihat muka 20

Dua buah masjid akan di-buka rasmi

TEMBURONG. — Dua buah masjid di-Daerah Temburong akan di-rasmikan Sempena Menyambut Awal Tahun Hijrah 1403 ini nanti.

Masjid Labu Estate akan di-buka rasmi pada 18hb. Oktober, 1982 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama Brunei.

Sementara masjid Puni di-jangka akan di-buka pada 5hb. November, 1982 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

Sambutan Muharram

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dan kakitangan Jabatan Pelajaran akan mengadakan sambutan awal tahun baru Hijrah 1403 pada hari Selasa, 19hb. Oktober, bertempat di-Dewan Pusat Tingkatan Enam, Gadong, mulai jam 1.15 petang.

Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Selamat bin Munap akan merasmikan sambutan tersebut.

Sambutan tersebut di-serikan dengan berbagai acara termasuk bacaan Al-Kor'an dan nashid. Kemunchak dari acara itu ia-lah satu sharahan khas yang akan di-sampaikan oleh sa-orang Pegawai Pentadbir Kanan Jabatan Setiausaha Kerajaan bertajuk 'Menuju Ka-arah Pentadbiran Yang Efisien dan Berkesan'.



Jemaah haji selamat pulang ka-tanah ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesemua jemaah2 haji Brunei telah selamat kembali ka-tanah ayer sa-telah menunaikan

kan fardhu haji di-tanah suci Mekah.

Pada tahun ini sa-ramai 2,045 orang telah menunaikan fardhu haji, sembilan orang dari jumlah tersebut telah meninggal dunia sa-masa menunaikan ibadat tersebut.

Jemaah2 haji itu tiba dalam lima penerbangan sewa khas Sharikat Penerbangan Malaysia — MAS.

Rombongan pertama tiba pada hari Khamis lalu, diikuti oleh rombongan kelima pada hari Jumaat, rombongan kedua pada hari Sabtu, rombongan ketiga pada hari Ahad dan rombongan ke-empat pada hari Isnin.

Berada di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengulangi kedatangan jemaah haji itu termasuk-lah YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abdul Aziz, YB. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin serta ahli2 Jawatankuasa Penasehat Haji (gambar atas).

Manis-nya Iman

"JANGAN-LAH kamu memaki-hamun shaitan, sa-balek-nya hendak-lah kamu ber-lindung dengan Allah daripada kejahatan shaitan itu." — HADITH Nabi riwayat Al-Mukhlis daripada Abu Hurairah radhi-allahu 'anhu.

Kunjongan P'jaya N.Z

BERAKAS. — Pesuruh-jaya New Zealand bagi Brunei, Awang H. Harle Freeman-Greene bersama isteri-nya telah tiba di-Brunei pada hari Sabtu, 9hb. Oktober yang baru lalu.

Semasa berada di-Brunei beliau telah mengadakan perjumpaan dengan Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, dan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman.

Beliau juga telah mengadakan perjumpaan dengan Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, dan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman.

Awg. H. Harle Freeman-Greene berserta isteri-nya telah berada di-sini selama empat hari dan akan pulang pada petang ini.



Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman menerima chenderamata yang di-sampaikan oleh Yang Dipertua PPN, Awang Abd. Ghani Bujang.



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASMI
KERAJAAN
BRUNEI

13HB. OKTOBER 1982

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

LANGKAH MEMBOKTIKAN KEUPAYAAN

Telah sa-makin jelas dan tegas yang negeri kita akan sentiasa mengadakan hubungan erat dengan negeri2 jiran yang sama menggunakan bahasa Melayu dalam bidang perkembangan bahasa itu.

Ucapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar sewaktu merasmikan Simposium Bahasa Dan Sastera baru2 ini menekankan pula perhatian Kerajaan yang sangat mendalam pada meneruskan hubungan yang sedia ada menurut ka-sesuaian-nya bagi faedah perkembangan bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi negeri ini. Yang Amat Berhormat juga menjangkakan bahawa "Pada satu peringkat yang amat tepat Brunei akan turut memainkan peranan yang penting dalam apa jua langkah di-rantau ini yang bertujuan ka-arrah memelihara dan mengembang-biakkan lagi kedaulatan bahasa Melayu."

Dua perkara yang di-sebutkan, ia-itu meneruskan hubungan erat dan menjangkakan akan memainkan peranan penting dalam bidang bahasa, sa-tentu-nya memberi fahaman bahawa kita di-negeri in tidak akan mengambil sikap menyisihkan diri atau memelih jalan bersendirian dalam menempoh arus perkembangan bahasa Melayu di-rantau ini sa-kali pun di-peringkat dalam negeri kita juga akan mengambil keputusan yang sesuai dengan keperluan sendiri.

Kita meyakini akan sama mendapat faedah dan memberi sumbangan yang bersesuaian menerusi sikap 'berhubung' dan 'berperanan' itu. Kerana itu perhubungan yang ada sa-takat sekarang tentu saja boleh di-tingkat-kembangkan keparas-paras-nya yang layak dengan perkembangan2 yang akan di-tempuh.

Dalam berkeyakinan sa-demikian itu perhatian kita ia-lah kepada keupayaan yang sa-mesti-nya akan di-buktikan sesuai dengan peranan yang akan di-mainkan. Langkah2 melaksanakan rancangan bagi meningkatkan mutu bahasa itu dalam semua bidang-nya di-negeri ini tentu-lah mengambil saham yang terbesar dalam membuktikan keupayaan tersebut. Bagaimana pun kita dengan rendah hati harus-lah mengakui had2 keupayaan kita, tetapi dalam masa yang sama tidak pula bermakna kita terus-menerus akan 'bahandar' kepada orang lain.

Membuktikan keupayaan itu-lah merupakan chabaran yang mesti kita sambut dengan sedar dan penuh bertanggung-jawab. Perhubungan erat dengan negeri2 jiran serta peranan yang di-jangka akan kita sumbangkan dalam bidang perkembangan bahasa Melayu di-rantau ini tentu juga dalam etikata kesediaan menstarafkan kebolehan kita, sekalipun terhad bidang-nya.

Perkembangan seterusnya akan memperlihatkan sa-jauh mana kita telah dan akan terus bersedia kearah itu.

ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah yang telah meletakkan pendidekan sebagai asas tamaddun alam. Salawat serta salam keatas jun-jungan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang telah menggesa supaya umat-nya tekun mendalami ilmu pengetahuan.

Terlebih dahulu dengan perasaan yang tulus ikhlas saya ingin mengucapkan sa-tinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Dipertua dan ahli2 Persatuan Pendidek Nasional, kerana menjemput saya hadir dan seterusnya merasmikan Mashuarat Agong Kali Ke-II persatuan ini.

Saya sukachita menchatetkan penghargaan dan tahniah kepada golongan pendidek yang telah pun mengusahakan penubuhan persatuan ini, yang mana pada pokok-nya ada-lah bertujuan untuk meninggikan taraf akademik ahli2-nya dengan menggabungkan seluruh tenaga guru2 di-negeri ini tanpa mengira asal usol dan keturunan, dan tanpa mengira aliran pendidekan. Mudah2an matlamat yang sechuchok dengan usaha2 perkembangan di-bidang pelajaran ini akan berjaya di-ungkayahkan sa-penoh-nya.

Di-samping memedulikan kebajikan ahli2-nya, saya percaya Persatuan Pendidek Nasional yang mempunyai objektif-nya yang begitu tegas, menginsafi bahawa masyarakat Negeri Brunei mempunyai harapan yang begitu tinggi terhadap golongan guru2 sebagai penggerak utama pembangunan negara dan sebagai pembentuk anggota2 masyarakat. Penghargaan dan sanjungan orang2 Brunei terhadap guru2 sesungguh-nya bukan hanya kerana kebolehan mereka mengajar dan mendidek, tetapi ada-lah juga kerana watak guru yang biasa-nya menjadi contoh tauladan kepada murid2-nya dan, kemudian-nya menjadi pendorong yang baik kepada masyarakat. Tidak-lah keterlaluan kalau saya menyatakan bahawa golongan guru2 ada-lah golongan cerdek pandai.

Sechra keseluruhan-nya golongan ini, dari peringkat sekolah rendah kepada sekolah tinggi, akan menentukan kualiti atau mutu belia2 tempatan yang akan menganggotai masyarakat yang akan datang. Hakikat ini membawa makna bahawa burok baik-nya negeri ini banyak terserah kepada guru2, kerana pembentokan masyarakat Brunei yang menchinai kehidupan yang menggabungkan ketinggian mutu rohani dan kemajuan kebendaan yang luhur dan murni.

GURU2 PENGGERAK UTAMA PEMBANGUNAN

BERIKUT ia-lah ucapan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang-Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib ketika merasmikan Mashuarat Agong kali ke-2 Persatuan Pendidekan Nasional pada 10hb. Oktober, di-Dewan Pusat Tingkatan Enam, Gadong.

"Baik burok-nya negeri ini terserah kepada guru2"

Saya percaya, ahli2 Persatuan Pendidek Nasional maupun guru2 keseluruhan-nya bersedia akan berusaha terus menerus pada mempertahankan penghormatan masyarakat terhadap golongan ini, termasuk-lah mengawal kewibawaan guru. Dalam pada itu langkah2 untuk mempertinggikan taraf akademik guru2 ada-lah wajar di-usahakan dengan sungguh2, kerana usaha serupa ini sechra langsung ada-lah bermakna memperbaiki lagi mutu pengajaran dan pelajaran yang akan di-terima oleh murid2 dan pelajar2, ia-itu satu2-nya pengharapan yang di-idam-idamkan oleh setiap orang tua atau penjaga murid, bahkan jua pengharapan seluruh masyarakat. Saya sekali lagi sukachita memberi sanjungan tinggi terhadap hasrat asal penubuhan Persatuan Pendidek Nasional ini, ia-itu untuk mempertinggikan taraf akademik golongan guru2 di-negeri ini.

Saya faham yang "subject-contents" sesuatu mata pelajaran itu berubah, kadang-kadang mengikut perubahan masa atau perubahan teori yang tertentu. Chontoh-nya, teori-teori Sains, ekonomi, formal-formula Ilmu-Hisab; bahkan Ilmu Sejarah sendiri berubah dari masa kesemasa apabila terdapat teori, formula atau kenyataan yang lain diperolehi. Untuk menseimbangkan atau untuk "up-date" pengetahuan, "teaching-method" dan "subject-contents" guru2, perbincangan kearah matlamat ini akan dapat di-chapai menerusi Persatuan ini dengan chara mengadakan kursus2 atau seminar2 singkat di-antara guru2 sekalian, ataupun menerusi jalan2 lain yang di-fikirkan berse-suaian. Saya ingin menekankan lagi bahawa mempertinggikan taraf akademik guru2 dengan sechra langsung bermakna memperbaiki lagi mutu pelajaran murid2 yang di-ajar oleh guru2 yang berkenaan. Matlamat sedemikian bukan sahaja perlu di-chapai oleh ahli2 persatuan ini, bahkan oleh semua guru2 di-negeri ini. Saya yakin tuan2 dan puan2 semua menyadari akan kenyataan ini.

Saya sendiri menyedari bahawa sekolah tidak hanya memberikan ilmu pengetahuan atau hanya setakat menjalankan proses mengajar dan mempelajari, akan tetapi yang jauh di-pentingkan ia-lah tempat sebagai saloran untuk mengasah dan mendidek murid2 dengan chiri2 kehidupan orang2 Brunei yang senantiasa menginginkan supaya di-pertahankan susila ketimoran yang penoh dengan tata-tertib yang bersopan santun dengan hormat menghormati, hidup dengan keyakinan ber-Tuhan dan ta'at setia kepada Sultan, di-samping menchinai kemajuan dan pembangunan Bangsa dan Negara atau lunas2 yang berkebakikan. Dalam pengertian lain, biar-lah saya tekankan bahawa proses mempertinggikan ilmu pengetahuan dan memajukan pendidekan tidak sepatut-nya mengorbankan asas2 pembentokan masyarakat Brunei yang menchinai kehidupan yang menggabungkan ketinggian mutu rohani dan kemajuan kebendaan yang luhur dan murni.

Ada-lah juga di-sedari bahawa pembentokan masyarakat Brunei yang sedang menuju zaman kemerdekaan, memerlukan asohan dan bimbingan terhadap murid2 di-bangku sekolah supaya mereka akan menjadi generasi yang lebih berjaya pada meneruskan persefahaman dan permuafakatan hidup yang sedia ada di-antara berbagai puak dan keturunan di-negeri ini. Tanggong-jawab pada merapatkan lagi anggota2a masyarakat ini, ada-lah merupakan satu chabaran kepada kita semua khas-nya kepada guru2 dan golongan pendidek sekalian kerana pendidekan ada-lah saloran yang paling tepat kearah melaksanakan maksud ini.

Dalam menghadapi chabaran itu, kerjasama antara guru2 dan antara berbagai-bagai pertubuhan guru amat-lah mustahak. Kearah ini, saya sukachita merujuk bahawa di-Brunei telah sedia ada sa-buah Persatuan guru2 yang sekian lama sudah memainkan peranan dibidang pendidekan. Ada-lah sempurna rasa-nya bagi kedua2 buah Pertubuhan guru2 yang ujud sekarang ini membantu perkembangan masyarakat dalam bidang profesional-nya sebagai anggota2 dalam sa-buah "team", dan bukan-nya sebagai dua "rivals" yang berlainan haluan. Pada hakikat-nya, kita tidak lagi patut berada peringkat untuk membincangkan langkah2 bagaimana mengelakkan "overlapping" dan "duplication", kerana kita sudah sepatut-nya berada pada peringkat memulakan langkah2 bagaimana menjalinkan kerjasama pada menyumbangkan buah fikiran dan saranan yang berkebakikan untuk faedah2 ilmu pengetahuan dan asohan serta lain2 bidang yang berguna bagi negeri ini.

Pada ketika ini dan sebagai salah satu langkah untuk meneliti perkembangan dan pencapaian pelajaran sechra keseluruhan-nya di-negeri ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan telah pun membentuk sebuah Jawatankuasa Meneliti Masaalah2 Pelajaran, dengan harapan mudah-mudahan segala objektif pendidekan seperti yang telah diterima dalam Lapuran Suruhan-jaya Pelajaran Tahun 1972 akan dapat di-kaji dan di-analisa sechra terperinci.

Kita berharap semoga semua pihak akan memberikan kerjasama yang sepenoh-nya kepada Jawatankuasa tersebut dalam usaha yang berkebakikan Kerajaan ini dan pada peringkat ini, pertubuhan2 guru2 sebagai golongan profesional yang sebenar-nya di-bidang ini ada-lah di-alu-alukan supaya menumpukan seluruh fikiran dan pengalaman serta kebolehan untuk mengemukakan apa jua pandangan dan ulasan kerana Kerajaan yakin, dalam apa jua pelaksanaan rancangan, jika terdapat kelemahan, maka pandangan yang membina ada-lah lebih bermunafaat daripada kenchaman2 yang tidak boleh di-per-tanggung-jawabkan.

Seruan supaya guru2 tampil kehadapan dalam perkara ini

ada-lah mencherminkan keyakinan kita bahawa cerdek pandai tempatan di-dalam bidang pendidekan yang semakin ramai bilangan-nya itu, ada-lah sudah layak di-anggap sebagai golongan yang berkemampuan untuk memberi penelitian dan penilaian sechra tegas dan tulus ikhlas terhadap masaalah2 Pelajaran di-negeri ini. Kita harus insaf bahawa chorak pendidekan yang kita gariskan pada masa ini bukan hanya untuk faedah masa ketika ini, bahkan kesan-nya akan melibatkan burok baik-nya masyarakat kita yang akan datang. Oleh itu, kita harus per-chaya kepada diri kita sendiri kerana kita lebih dekat dan lebih merasakan apa yang kita inginkan, maka ada-lah lebih wajar supaya kita sendiri menentukan bagaimana menchapai keinginan kita itu. Dalam pada itu, pandangan2 dari luar dan kemajuan-nya yang begitu pesat akan senantiasa kita hargai, dalam mana harus kita akui bahawa masih terdapat banyak perkara yang kita belum berkeupayaan.

Mengingat akan masa hadapan masyarakat Brunei ini, maka kemajuan pelajaran harus-lah mengambil kira akan penyertaan anak2 tempatan dalam pembangunan negara yang mengendaki tenaga mahir dan separoh mahir. Kearah itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, melalui Jabatan Pelajaran, ada-lah sedang giat memperkemas dan memperluas kursus2 teknikal dan per-tukangan, termasuk-lah mengadakan hubungan2 dengan badan2 di-luar negeri yang asing semata-mata dengan tujuan untuk mempertinggikan taraf pelajaran teknikal di-negeri ini. Oleh yang demikian, dalam tempoh yang pendek ini, saya juga ingin menyanamkan harapan semoga pertubuhan2 guru2 am-nya dan Persatuan Pendidek Nasional ini khas-nya akan dapat sama2 ber-fikir dan menumpukan perhatian pada menchari langkah2 yang sesuai untuk menarik minat lebih ramai lagi pelajar2 kita berkechimping dalam alam pelajaran teknikal ini. Kita tidak akan selama-nya bergantung kepada tenaga mahir yang di-datangkan dari luar negeri bahkan sechra berperingkat, perlu-lah orang2 tempatan sendiri memikul tanggong-jawab tersebut. Peranan ibu bapa dan orang ramai dalam perkara yang sangat mustahak ini harus-lah di-timbolkan, supaya di-satu masa nanti kita akan berupaya menchapai matlamat yang sememang-nya kita hajati.

Sekian-lah, dan sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Dipertua dan Ahli2 Persatuan Pendidek Nasional ini. Saya ucapkan juga Selamat Bermashuarat dan semoga Mashuarat Agong kali ini akan menghasilkan perkara2 yang berkebakikan, bukan sahaja untuk Persatuan ini tetapi lebih2 lagi kepada masyarakat di-negeri Brunei ini.

Dengan mendahulukan BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, saya sukachita merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Kali Ke-2 Persatuan Pendidek Nasional.

JEMAAH2 HAJI SELAMAT PULANG



DENGAN Perasaan gembira serta bershukor para jemaah ini beredar meninggalkan kawasan mendarat kapal terbang menuju kawasan pemeriksaan untuk bersama sanak saudara yang sedia menunggu kepulangan mereka (gambar atas). YAB Pemangku Menteri Besar (kanan) dan YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja (bawah) ada-lah antara pegawai2 tinggi kerajaan yang sama2 mengaluken kepulangan para jemaah dalam kumpulan pertama di-lapangan terbang.




PARA jemaah dalam kumpulan penerbangan pertama turun beriringan dari kapal terbang B747 kepunyaan Sistem Penerbangan Malaysia — MAS ketika selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas pada petang Khamis, 7hb. Oktober yang baru lalu.



KETIDAK-UPAYAAN untuk berjalan, jemaah perempuan ini telah di-bantu oleh kaki-tangan perubatan yang sedia menunggu di-lapangan terbang dan di-sorong dengan basikal roda.



ANTARA sanak saudara yang sedia menunggu kepulangan para jemaah di-kawasan letak kereta lapangan terbang.



Kursus Penerangan BSP

SERIA. — Minggu lalu, 10 orang pegawai dari Askar Melayu Diraja Brunei dan dua orang pegawai bank (gambar bawah) telah menjalani kursus sa-lama empat hari di-Pusat Penerangan BSP untuk menyesuaikan diri mereka dengan operasi2 sharikat.

Peserta2 krusus telah diberi taklimat oleh penceramah-penceramah dari berbagai-bagai jabatan dalam Sharikat Shell. Mereka juga telah

melawat kePadang Minyak Ampa-6 di-luar pantai Kilang Penapis Minyak, Loji LNG Brunei di Lumut dan gelangan pembinaan laut di Kuala Belait.

Di-hari terakhir kursus itu para peserta telah mengadakan perjumpaan dengan penyal pengurusan terdiri dari Pengarah Urusan dan Pengurus Kaki-tangan dan Perkhidmatan Pertubuhan.

Melawat Shell

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei baru2 ini telah menerima kunjungan dari dua rombongan yang terdiri dari penuntut-penuntut dari Badan Ilmu Alam, Pusat Tingkatan Enam di-Jalan Gadong dan beberapa orang Saudara-saudara baru (muallaf) dari kawasan Belait.

Di-sini mereka telah mendengar taklimat mengenai sejarah latar-belakang, pertubuhan dan kegiatan masa kini sharikat itu.

Sa-lain dari itu rombongan-rombongan itu juga di-bawa melawat kepelantar luar pantai Ampa-9 dan beberapa tempat yang penting di-Sharikat itu.



Sa-rombongan terdiri dari beberapa orang saudara-saudara baru (muallaf) dari kawasan Belait telah mengadakan lawatan ka-Sharikat Minyak Shell Brunei baru-baru ini. Mereka telah mendengar taklimat mengenai sejarah latar belakang, pertubuhan dan kegiatan masa kini sharikat tersebut. Mereka juga di-bawa melawat kepelantar luar pantai Ampa-9.

PUNGGAH KE-2000 MINYAK MENTAH

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei mengeksport minyak mentah sa-chara langsung dari Pengkalan Minyak Seria sejak bulan Disember 1971, sa-hingga kini berjaya mengendalikan pemunggahan minyak mentah yang ke-2000 yang bernama "Narica".

Pemunggahan tersebut telah di-lakukan pada hari

Jumaat lalu melalui penambatan pelampung tunggal (SMB-1) dan kapal pengangkutan itu akan belayar menuju ka-Korea Selatan.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin telah menyempurnakan perasmian pemunggahan minyak mentah itu.

Turut hadir dalam ucapan itu ia-lah beberapa orang pegawai kanan kerajaan di-Daerah Belait dan pegawai-pegawai dari Sharikat Minyak Shell Brunei.

Dalam ucapan alu-aluan-nya, Bob Craft, Pengurus Perkhidmatan-perkhidmatan yang mewakili BSP berkata, "kiraan minyak mentah yang di-eksport melalui Pengkalan Minyak Seria kini berjumlah sa-hingga lebih dari 800 juta tong."

Sa-belum minyak mentah dapat di-eksport melalui Pengkalan Minyak Seria, minyak mentah telah di-hantar melalui saluran paip ka-Lutong, Sarawak di-mana terdapat kemudahan2 pelabuhan dan pemunggahan bagi kapal2pengangkutan.

Kerja2 beanaan Pengkalan Minyak Seria telah bermula pada awal tahun 1970 dan pada mula-nya mempunyai lima buah tangki minyak bagi tujuan pengeksportan. Pada masa ini BSP chuma menerima minyak di-darat dan minyak mentah "ringan" dari luar pantai.

Apabila Padang Minyak Champion mula menghasilkan pada bulan Febuari 1972, Pengkalan telah menerima empat macam minyak mentah, ia-itu, minyak mentah ringan dari darat, minyak

mentah berat dari darat, minyak mentah ringan dari luar pantai dan minyak mentah berat dari Champion, di-mana kesemua-nya di-champur dalam lima buah tangki minyak.

Pemasaran Shell beli Komputer

SERIA. — Sharikat Pemasaran Shell Brunei baru-baru ini telah membeli sa-buah alat komputer untuk mengatasi kerja-kerja yang makin bertambah dan untuk simpanan chatatan.

Sa-orang jurucakap sharikat itu berkata bahawa pada masa ini BSM menggunakan waktu komputer di-ibu pejabat BSP di-Seria. Ini menyebabkan gangguan dan selalu-nya chatatan2 tergendala dan terlambat sa-hingga tujuh minggu.

Pada mula-nya alat komputer jenis IBM sistem 34 ini akan memelihara tempahan-tempahan, bilbil, kuasa daftar barang-barang, buku kira-kira gaji dan analisa penjualan. Jurucakap itu menambah bahawa sa-bilangan kakitangan sedang di-beri latihan penggunaan komputer itu.

Dengan penggunaan alat baru ini, chatatan-chatatan akan menjadi lebih lengkap dan terbaru, dan simpanan-simpanan akan lebih bersedia dan tepat dikuasai.

Akhir-nya nanti komputer BSM akan di-sambong dengan pengkalan-pengkalan di-Muara Depot, Seria dan akhir-nya Kilang Penapis yang baru itu.



Penuntut-penuntut Ilmu Alam dari Pusat Tingkatan Enam Jalan Gadong telah mengadakan lawatan ka-Shell Brunei baru-baru ini. Penuntut-penuntut itu telah di-beri keterangan mengenai dan latar belakang pengkalan minyak di-Brunei.

MARI-LAH kita terus menerus membetulkan iman dan takwa yang sebenar-benar-nya kepada Allah s.w.t. dengan mengisi hidup dengan ketaatan yang tiada berbelah bahagi terhadap segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Semenjak iblis terhalau dari shorga, ia telah meminta kepada Tuhan supaya di-lanjutkan umornya dan anak chuchu-nya hingga hari kiamat serta di-benarkan menggoda anak chuchu Adam dalam berbagai-bagai chara dan tipu muslihat. Allah Az-zawajalla telah menerima permintaan-Nya itu sebagai mana firman-Nya di-dalam Al-Kor'an surah Al-Akrab ayat 17; kira-kira maksud-nya:

Berkata iblis kepada Tuhan, dengan sebab Engkau halau aku dari shorga, aku bersumpah bahawa aku pasti membelokkan anak chuchu Adam itu dari jalan Mu yakni ugama Mu yang lurus, kemudian aku pasti datang mereka dari hadapan mereka, dan dari belakang mereka, dan dari kiri serta kanan mereka, dengan demikian tiada-lah akan ramai dari mereka yang Engkau dapati benar-benar tahu bersholat atau beriman kepada Mu.

Dalam Surah Al-Isra' ayat 64 Allah Ta'ala berfirman kira-kira maksud-nya: *Kata Tuhan kepada Iblis: Pengarohi dan kuasai-lah anak chuchu Adam ini sesiapa sahaja yang dapat engkau kuasai dengan suara mu (pujuk rayu mu), dan tarek-lah mereka dengan pasokan kuda mu dan pasokan ashar kaki mu, dan shari'ati-lah mereka dalam harta benda serta anak chuchu mereka, dan buatlah sa-ribu satu macham jani2 iblis kepada mereka, tetapi yang pasti bahawa segala jani2 itu hanya-lah tipu daya semata-mata.*

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 13hb Oktober, 1982 hingga khamis 14hb Oktober, 1982 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
13hb Okt	12.13	3.30	6.12	7.28	4.34	4.49	6.06	
14hb Okt	12.13	3.30	6.12	7.28	4.34	4.49	6.06	
15hb Okt	12.13	3.30	6.12	7.28	4.34	4.49	6.06	
16hb Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48	6.05	
17hb Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48	6.05	
18hb Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48	6.05	
19hb Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48	6.05	

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

TUGAS IBLIS MEMPERDAYAKAN MANUSIA

Daripada dua ayat di atas ini dapat-lah kita pastikan bahawa iblis dan segala kunchu-kunchu-nya yang terdiri daripada shaitan telah di-halau dari shorga sa-telah enggan menurut perintah Allah supaya hormat dan sujud kepada Adam a.s. di dalam shorga, tetapi iblis itu telah bermohon kepada Tuhan supaya ia dan anak chuchu-nya di-beri kesempatan menyedapkan anak chuchu Adam hingga kehari kiamat, dan permohonan-nya itu telah di-perturut oleh Allah.

Kerana itu menurut dua ayat Kor'an tadi, ulamak akhlak telah menerangkan chara2 dan tipu daya yang di-pakai oleh iblis dan shaitan dalam memperdayakan manusia sa-bagai berikut:—

1. DALAM BIDANG KETAATAN BERIBADAT.

Kalau shaitan melihat ada manusia yang rajin serta taat beribadat, dia datang menggoda lalu memujuk dengan berkata, bahawa Tuhan tidak sa-banyak itu meminta manusia sebab terlalu meletehkan badan dan menghabiskan umur untuk beramal, sedangkan Tuhan itu maha pengampun dan maha penyayang.

2. MEREKA YANG KUAT BERIBADAT DI-MASA MUDA

Kalau shaitan melihat bahawa ada orang muda yang kuat beribadat, dia datang menggoda bahawa di-masa muda lebih baik bersuka-suka, enjoy, dan joli puas-puas dan kalau dekat-dekat tua baharu-

lah beramal ibadat, kalau-lah manusia terpengaruh dengan tipu daya shaitan itu tentu-lah ia akan menyesal di-kemudian hari kerana mati tiada selamanya di-waktu tua, bahkan yang muda dan kanak2 pun mati juga.

3. MEREKA YANG DI-HASUT SUPAYA MEMBELAKANGI KEBAHAGIAAN DUNIA

Kalau shaitan melihat manusia terlalu rajin dan taat kepada Allah Ta'ala, di-goda-nya pula dengan rayuan dan bisikan-nya supaya orang itu menghabiskan waktu-nya untuk beribadat sahaja lebih2 lagi ibadat badan seperti sembahyang hingga jangan ada kesempatan untuk berusaha mencari nafkah, lalu ia menjadi beban kepada orang lain.

4. DI-SURUH RIA' DAN UJUB

ALLAH telah berfirman di-dalam Surah An-Nisa ayat 34 yang bermaksud: "Orang lelaki (suami) sa-bagai wali yang berkuasa atas isteri-nya, kerana kelebihannya yang telah di-berikan oleh Allah pada mereka masing2 dan kerana belanja yang mereka berikan dari harta mereka sendiri. Maka wanita yang salehah itu ia-lah taat, dapat memelihara diri di-waktu tidak ada suami-nya, sa-bagaimana pemeliharaan Allah."

Keterangan ayat tadi ada-lah jelas bahawa kaum lelaki yang telah menjadi suami yang sah kepada perempuan yang di-kahwini-nya itu, mempunyai hak yang lebih dari isteri-nya. Justeru itu sa-bagai sa-orang isteri wajib-lah taat kepada perintah suami dalam semua perkara yang tidak bertentangan dengan ajaran Allah dan Rasul-Nya.

Sheikh Muhammad Amil Al Qurdiyu telah berkata di-dalam kitab 'Arshadul Muhtaju Li Huququl Azwa' bahawa kaum perempuan yang menjadi isteri itu terbahagi kepada dua:

Kalau shaitan melihat manusia kuat berbuat amal kebajikan terutama dalam soal membelanjakan harta benda di-jalan Allah seperti menderma, bersedekah, berukuf dan sa-bagai-nya, shaitan akan menghasut supaya orang itu terus beramal kebajikan tetapi di-bisikkan supaya dalam melakukan amal kebajikan itu biarlah di-lihat oleh orang ramai dan nama-nya mesti di-siarkan di-dalam surat khabar, supaya ia terkenal sa-orang dermawan. Kalau manusia termakan pujukan shaitan itu akan jadi sia-sia-lah ia beramal kebajikan itu kerana perbuatan-nya sudah tidak ikhlas lagi, lalu rugi-lah ia di-akhirat nanti.

5. DI-SUROH MENGHILANGKAN IKHTIAR DAN USAHA

Kalau shaitan melihat

KHUTBAH JUMAAT



manusia chuba berusaha, shaitan akan segera datang membisikkan kepada hati-nya bahawa kalau Tuhan menghendaki baik semua-nya akan jadi baik, dan kalau Ia menghendaki burok akan jadi burok-lah ia. Maka biar menyerah bulat-bulat kepada Tuhan dan tak payah berikhtiar dan berusaha kerana Tuhan jua-lah yang berkuasa memasokkan ka-dalam shorga atau neraka, kalau rajin beramal ibadat pun belum tentu masuk shorga, dan kalau tiada beramal ibadat pun belum tentu masuk neraka kerana Tuhan itu sangat kasehan kepada hamba-Nya. Kalau manusia termakan pujukan shaitan sa-macham ini akan jadi malas-lah manusia bekerja bukan sahaja untuk kebahagiaan

hidup di-dunia lagi untuk kebahagiaan hidup di-akhirat.

Iblis dan shaitan itu di-akhirat nanti akan berlepas tangan dan tiada akan bertanggung-jawab di-atas jani2 dan pujukan-pujukan yang telah di-lakukan-nya kepada kita, malahan kita-lah pula yang akan di-timpalak-nya, dan kita pula-lah yang akan menanggung akibat-nya kerana mahu menurut ajakan-ajakan-nya.

Dari itu mari-lah kita berusaha melawan hasutan iblis dan shaitan, supaya kita terus menerus taat mengerjakan segala surohan-surohan Allah Ta'ala dengan hati yang ikhlas semata-mata untuk menuntut keredhaan-Nya jua.

Shorga bagi isteri yang saleh dan ta'at kepada suami

Bingkisan minggu ini

"Perempuan yang saleh lebih baik daripada seribu orang lelaki yang tidak saleh. Sa-barang perempuan yang berkhidmat kepada suami-nya sa-lama tujuh hari akan tertutup kapada-nya tujuh buah pintu neraka dan terbuka bagi-nya lapan buah pintu shorga. Ia masuk dari sa-barang pintu tanpa sa-barang hisab. Perempuan yang taat kepada suami-nya menjadikan burung2 di-udara, ikan di-ayer, malaikat di-langit, matahari dan bulan istighfar bagi-nya, sa-lagi ia taat kepada suami-nya dan redhai-nya."

Demikian-lah betapa lumayan balasan yang di-dapati oleh sa-orang isteri yang taat kepada suami-nya. Alang-kah bahagianya mereka kerana lapan buah pintu shorga menanti-nya tanpa sa-barang hisab. Lantaran itu kaum wanita hendak-lah seboleh2-nya melakukan perbuatan yang di-redhai oleh suami kerana kechuaian yang kita lakukan dan menggugat hak suami akan mendatangkan dosa yang besar ka-atas diri kita.

Kaum wanita juga di-larang bermuka masam

kapada suami, apa-lagi jika perkara ini mendatangkan reaksi yang kurang menyenangkan kepada mereka. Allah akan murka kepada kita sehingga-lah kita bermuka manis seperti yang telah di-nyatakan oleh Tulaihah bin Ubaidah.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang telah di-riwayatkan oleh Ibnu Adi dan Ibnu Asakir yang bermaksud:

"Perempuan yang berkata kepada suami-nya: *Aku tidak melihat sa-satu yang baik yang datang-nya dari awak.* Neschaya Allah menghapuskan amalannya yang baik sa-lama 70 tahun, sekalipun ia berpuasa sa-panjang siang dan bersebahyang sa-panjang malam."

TUGAS ISTERI

Sekarang jelas kepada kita betapa besar-nya

LIHAT MUKA 7

TAQWA

Siri Ke-153

SEMUA urusan hidup kita ini ada-lah bergantung pada mengetahui Ilmu Uagama seperti mengetahui apa yang di-halalkan, apa yang di-haramkan, apa yang di-haruskan, apa yang sunnat, dan apa yang makruh. Kerana itu Rasulullah bersabda yang erti-nya:

"Tiada suatu perkara yang dengan-nya atau kerana-nya di-sembah Allah Ta'ala lebih afdal dari faham akan hukum Fiqeh (faham dalam hukum halal haram dalam hidup beragama)."

Sabda Rasulullah lagi yang erti-nya:

"Barangsiapa yang Allah Ta'ala akan mengkehendaki kebajikan bagi-nya maka Allah Ta'ala akan memberi faham dan pengertian dalam uagama-Nya, dan Allah Ta'ala ilhamkan kepada-nya supaya menghalusi budi bichara-nya dalam uagama-nya."

Adapun yang di-maksudkan dengan erti "Ilmu" ia-lah Ilmu Fardhu 'Ain yang tiada ada jalan bagi orang mukallaf (orang Islam yang aqil baligh) untuk mengabaikan atau meninggalkan-nya, kerana meninggalkan Fardhu 'Ain itu ada-lah suatu dosa besar. Sa-tiap orang mukallaf itu wajib belajar akan perkara ibadat yang mesti di-buat dan di-tempoh-nya. Umpama-nya untuk mengerjakan Sembahyang dengan sempurna perlu-nya ia belajar chara2 Sembahyang, rukun Sembahyang, dan untuk melaksanakan Ibadat Puasa mestilah ia belajar serta mengetahui hukum2 berpuasa, sharat2-nya dan rukun2-nya. Begitu juga dalam perkara zakat bagi sa-si-

apa yang ada harta, perkara haji bagi sa-siapa yang berkuasa pergi naik haji ka-Mekkah, dan belajar hukum2 berjual-beli dan urusan perniagaan bagi sa-siapa yang hendak menjalankan urusan perniagaan, belajar perkara nikah bagi siapa yang hendak mendirikan rumah-tangga, dan bagi siapa yang mempunyai isteri lebih dari satu hendak-lah mengetahui macham mana chara untuk memberikan keadilan dan layanan yang sa-chukup-nya.

Barangsiapa mengetahui dan mengerti perkara2 Fardhu 'Ain yang di-tuntut melakukan-nya, rukun2-nya, sharat2-nya dan masaalah2 yang zahir, dan masaalah2 yang selalu timbul dari Fardhu 'Ain itu, serta ia menjauhi segala larangan Allah, dan mengerjakan segala perintah-Nya, maka dia-lah orang yang bertaqwa (takut Allah) dan sentiasa berdampingan dengan Allah Ta'ala. Orang seperti ini akan membuat perkara2 yang sunnat sa-telah ia melakukan perkara2 yang wajib2 dan fardhu di-dalam Shari'at Islam sa-hingga ia mencapai peringkat di-kasehi oleh Allah Ta'ala dan mendapat Mahabbah Allah.

Menurut hadith yang di-riwayatkan oleh Imam Ibnu-Hibban dan lain2 Ulama' hadith, daripada Shabat Abi Zarrin (Radhi-allahu Anhu) kata-nya: "Ya Rasulullah, mohon beri pesanan kepada hamba." Sabda Rasulullah yang erti-nya: "Saya berpesan kepada kamu bertaqwa-lah kepada Allah, kerana taqwa itu kepala segala pekerjaan." Dan daripada sahabat Abi

Said Al-Khudri (Radhi-allahu Anhu) kata-nya: "Ya Rasulullah, mohon beri pesanan kepada hamba."

Sabda Rasulullah yang erti-nya:

"Saya berpesan kepada kamu supaya bertaqwa kepada Allah, kerana taqwa itu kepala tiap2 sesuatu."

Dalam suatu riwayat lain ada menyebutkan yang erti-nya:

"Kamu lazimkan taqwa kepada Allah, kerana taqwa kepada Allah itu puncha dan asas segala kebajikan."

Menurut hadith yang di-riwayatkan oleh Imam At-Termizi daripada sahabat Yazid bin Selamah (Radhi-allahu Anhu) bahawa dia telah bertanya kepada

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

Nabi (Sallallahu Alaihi Wasallam):

"Ya Rasulullah, bahawa hamba mendengar daripada tuan hamba banyak hadith2, maka hamba takut akan di-lupakan oleh kerana banyak-nya itu, mohon chakapkan kepada hamba suatu perkataan yang menghimpunkan segala perkara2 itu."

Lalu Sabda Rasulullah yang erti-nya:

"Hendak-lah kamu takutkan Allah dalam perkara yang kamu ketahui."

Kesimpulan-nya, bertaqwa kepada Allah adalah puncha segala kejayaan hidup di-dunia dan kejayaan hidup di-akhirat, kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa

memberikan bantuan dan pertolongan dalam sa-tiap perjuangan-nya dan melepaskan-nya dari sebarang kesempitan dan kesusahan. Bagaimana kita boleh menjadi sa-orang yang bertaqwa, tentu-lah dengan mempelajari dan memahami ilmu2 uagama, istime-wa-nya Ilmu Fardhu 'Ain

WALLAHU A'ALAM

Jadual Perpustakaan Bergerak mulai 13hb. hingga 19hb. Oktober

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	13.10.1982	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	13.10.1982	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	13.10.1982	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu A.H.M.Y. Kati Mahar	16.10.1982	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	16.10.1982	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Mulaut	16.10.1982	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	16.10.1982	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	16.10.1982	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	16.10.1982	Sabtu	4.00- 5.00 "
Di-hadapan Rumah Penghulu Kampong Serasa	17.10.1982	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama	17.10.1982	Ahad	10.15-11.15 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	17.10.1982	Ahad	11.30-12.00 T/Hari
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara	18.10.1982	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching	18.10.1982	Isnin	3.00- 4.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	19.10.1982	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerik Desa	19.10.1982	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Uagama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap	19.10.1982	Selasa	2.45- 3.15 petang
Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim Gadong, Kampong Beribi	19.10.1982	Selasa	3.35- 4.00 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	19.10.1982	Selasa	4.30- 5.30 "

Bahagian Penerangan pilih wakil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Kebajikan Uagama, Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan telah menganjurkan Pertandingan Membaca Al-Kor'an sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Adha yang telah di-adakan di-Bilek Persidangan di-sini pada 2hb. Oktober lepas.

Sa-belum achara di-mulakan ucapan alu2an telah di-sampaikan oleh pengerusi pertandingan Pg. Mohd. Yusof bin Pg. Bakar dan sa-terus-nya ucapan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Sa-ramai tujuh orang peserta lelaki telah mengambil bahagian yang terdiri dari kakitangan Penerangan dari berbagai bahagian dan chawangan di-seluruh negeri.

Johan pertandingan tersebut di-sandang oleh Awang Jahri bin Hj. Latif, Pegawai Luar Kanan, Chawangan Temburong dengan memperoleh markah 78 peratus, tempat kedua Awang Tajuddin bin Ibrahim dari Bahagian Pentadbiran, dan tempat ketiga Ak. Hidop bin Pg. Shamsuddin dari Bahagian Penerbitan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Johan di-peraduan tersebut akan mewakili Pejabat Penerangan, Setiausaha Kerajaan ka-Pertandingan membaca Al-Kor'an antara Jabatan2 Perhubungan dan Pengangkutan yang akan di-adakan pada pertengahan bulan Disember depan.

Ranchangan TVP — dari 18hb. hingga 24hb. Oktober

ISNIN — 18HB OKT

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 718

Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN MUZIK, BER-CHERITA, SI-MANIS, SI-AMIN, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 718

SELASA — 19HB OKT

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 719
Dalam ranchangan kali ini, Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERSENAM, KERJA TANGGAN, KATA SI-MANIS, PA'LONG, YANG MANA GANJIL dan CHERMIN SAKTI.

RABU — 20HB OKT

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 720

Ranchangan hari ini di-muati dengan

aktiviti2 seperti MAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, NAIK KUDA, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 720

KHAMIS — 21HB OKT

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 721

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERLAKUN, TUNJOK BENDA, MAIN BOLA, DIMANA TEMPATNYA, HALAMAN BINA-TANG dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 721

JUMAAT — 22HB OKT

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti-

ti-aktiviti seperti PA'LONG, YANG MANA GANJIL, TUNJOK BENDA, BERSENAM, GAMBAR TERSEMBUNYI dan CHERMIN SAKTI.

SABTU — 23HB OKT

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 722

Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, SI-MANIS, BELON SIMANIS, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 722

AHAD — 24HB OKT

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERLAKUN, TEKA BENDA, PETI SURAT, MAIN BOLA, DIMANA TEMPATNYA dan CHERMIN SAKTI.

PERANAN ISTERI :

Dari Muka 5

tugas sa-orang isteri itu dimana ia bukan saja terhad untuk menjaga makan-minum suami, menjaga hak-hak mereka, tetapi juga patut sama2 menanggung ka-sengsaraan bila sa-orang suami itu dalam dukachita. Tugas sa-orang isteri bukan-lah tugas yang senang dan pada masa ini isteri2 muda yang berusia sekitar balasan tahun jarang mengetahui apa sebenar-nya peranan sa-orang isteri itu sa-chara yang benar2 di-kehendaki oleh Ugama Islam.

Satu lagi tugas isteri yang perlu di-jaga ia-itu ketika suami belayar keluar negeri, kaum wanita di-kehendaki melakukan sa-suatu yang hanya di-redhai oleh suami-nya dan jangan-lah mengkhianati suami-nya sama ada dari segi kehormatan suami atau harta-bendanya. Dan jangan-lah sekali-kali berbangga dengan kechantean paras kerana sa-orang isteri hanya di-galakkan berhias dan memakai wangi-wangian semata2 untuk suami-nya bukan untuk dipertontonkan kepada ramai.

Kesimpulan-nya, hak suami atas isteri-nya yang sangat2 di-tekanan ia-lah tak kepada suami-nya dan mengerjakan surohan-nya. Sa-orang isteri hanya di-benarkan keluar dari rumah dengan izin suami-nya dan haram ka-atas mereka membenarkan jiran-nya masuk ka-rumah tanpa izin suami. Para isteri juga semesti-nya bersyukur pada rezeki yang

di-perolehi oleh suami-nya walaupun sedikit. Jauhilah daripada meminta cherai kepada suami hanya kerana pertelingkahan yang kechil. Akhir-nya telah tersebut dalam hadith Nabi Muhammad s.a.w. yang telah di-riwayatkan oleh Imam Ahmad dan At-Tarmizi yang bermaksud:

"Mana-mana perempuan yang meminta talak kepada suami-nya dengan tiada sebab yang berat, maka haram ka-atas-nya menchiom bau shorga."

Berkursus di-UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penolong Pegawai Perikanan di-Jabatan Perikanan, Awang Alias bin Shari, telah berlepas ka-Singapura menuju ka-United Kingdom pada hari Ahad lalu, untuk mengikuti Kursus Post Graduate Diploma In Food Technology (Fish Processing).

Awang Alias akan menjalani kursus tersebut sa-lama sa-tahun di-Grimsby College of Technology di-United Kingdom, di-bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

Kursus Penyambut Tetamu/Opereter Talipon

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Perjawatan melalui Pusat Latihan-nya akan mengadakan satu lagi kursus 'Penyambut Tetamu/Opereter Talipon' sa-lama 3 hari bermula dari 20hb. hingga 23hb. Oktober, 1982.

Kursus ini akan di-hadiri oleh 16 orang Penyambut Tetamu/Opereter Talipon dari 14 buah Jabatan Kerajaan.

Pensharah2 yang akan memberikan ceramah dalam kursus itu nanti ada terdiri daripada pegawai2 Yunit Latihan, Pejabat Perjawatan.



Duduk di-depan, dari kiri — Datin Thu Ha Rosanah Johar, Datin Hajjah Jusnani dan di-belakang — Awang Mohamed Jaman bin Mohamed dan Ak. Hashim bin Pg. Haji Jadid.

Ka-Persidangan Penduduk Asia dan Pasifik kali ke-III

PENGARAH Yunit Perancang Ekonomi Brunei, Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie telah mengetahui perwakilan Brunei ka-Persidangan Penduduk Asia dan Pasifik Kali ke-III di-Colombo, Sri Lanka. Ia-nya berlangsung pada 20hb. hingga 29hb. September, 1982.

Menurut Datin Hajjah Jusnani, Persidangan tersebut ada-lah penting bagi Brunei. Sa-bagai sa-buah negara yang baru berkembang maju, Brunei ketika ini tidak menghadapi masalah kera-maian penduduk seperti yang di-alamai oleh kebanyakan negara di-rantau ini.

Namun demikian, Brunei agak berminat untuk mengetahui pengalaman yang di-lalui oleh negara2 lain. Ini akan membolehkan Brunei mengatasi dengan bijak masalah bilangan penduduk.

Perwakilan dari 32 buah negara yang

mewakili 98 peratus penduduk di-rantau Asia ini, berhimpun di-Colombo dalam suasana yang begitu mesra, penuh keazaman dan kesungguhan untuk mencari penyelesaian terhadap masalah bilangan penduduk yang berlebihan di-rantau ini menjelang abad ke-21 ini. Begitu-lah menurut pandangan Pengurus Persidangan, Dr. Ranjith Atapattu, Menteri Kesihatan Sri Lanka.

Presiden Sri Lanka, Tuan J.R. Jayewardene, dalam ucapan pembukaan-nya menyeru bagi di-kemukakan shor2 yang konkrit untuk di-pertimbangkan serta di-laksanakan oleh negeri2 di-rantau ini. Sri Lanka menyeru supaya rancangan berkesan dapat di-rumuskan terhadap isu penduduk di-rantau ini.

Persidangan itu di-anjurkan oleh Surohanjaya Ekonomi dan Sosial bagi Asia dan Pasifik (ESCAP) dengan di-

biayai oleh Tabong Bangsa2 Bersatu bagi kegiatan2 penduduk (UNFPA).

Dr. Rafael Salas, Pengarah Eksekutif UNFPA menjangkakan keadaan pertumbuhan penduduk di-Asia dan Pasifik akan mencapai angka enam billion pada penghujung abad ke-21, berbanding dengan jumlah penduduk pada masa ini ia-itu 2.5 billion.

56 peratus penduduk dunia berada di-rantau Asia dan Pasifik yang merupakan hanya 25 peratus dari jumlah kawasan tanah di-dunia.

Anggota perwakilan Brunei yang lain ia-lah Datin Thu Ha Rosanah Johar. Pegawai Ekonomi Kanan, Awang Mohamed Jaman bin Mohamed, Penolong Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Negara dan Ak. Hashim bin Pengiran Haji Jadid, Kurator Pameran Muzium Brunei.

Pegawai2 naik pangkat, bertukar dan bersara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan di-sini baru2 ini telah mengumumkan pertukaran dan kenaikan pangkat beberapa orang pegawai Kerajaan dari bahagian IV hingga II di-beberapa buah Jabatan Kerajaan.

Dayang Hajjah Hadijah bte Haji Hassan dan Dayang Hajjah Aminah bte Haji Md. Idris, Ketua Jururawat di-Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Penyelia Jururawat ia-itu jawatan dalam bahagian II di-jabatan tersebut mulai 1hb. Ogos, 1982.

Awang Yusof bin Hassan, Ahli Kimia Hayat di-Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Pegawai Pentadbir Tingkat I di-Jabatan Perjawatan, ia-itu jawatan dalam bahagian II. Kenaikan tersebut bermula pada 1hb. Ogos, 1982.

Dan Awang Lim Sam Lee, Jurutera bahagian II di-Jabatan Radio Talivishen telah di-lantek sa-bagai Jurutera Pengawas, juga jawatan dalam bahagian II di-jabatan yang sama mulai 1hb. April, 1982.

Empat orang Pembantu Pertanian Kanan di-Jabatan Pertanian telah di-lantek sa-bagai Penolong Pegawai Pertanian, ia-itu jawatan dalam bahagian III di-jabatan yang sama bermula 1hb. Julai, 1982. Mereka ia-lah Awang Abd. Karim bin Haji Kahar, Awang Mohd. Taib bin Haji Jaludin @ Mohammad Taib, Awang Ranek bin Meluddin dan Awang Kamis bin Ali Hashim @ Nasnoor bin Alihasim.

Penolong Pelukis Tingkat Khas di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Awg. Zainal Abidin bin Haji Ibrahim @ Abidin telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pelukis Tingkat Khas, juga jawatan dalam bahagian

III di-jabatan yang sama mulai 1hb. Julai, 1982.

Sementara itu, lapan orang Pelateh2 Penolong Pengajar Teknikal di-Jabatan Pelajaran telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pengajar Teknik, ia-itu jawatan dalam bahagian III di-jabatan itu mulai 1hb. Julai, 1981.

Mereka ia-lah Awang Ali Rahman bin Haji Na'im, Awang Shanan bin Haji Saidin @ Awang bin Hj Saidin, Awang Ahmad bin Awang Burut @ Bolkin, Awang Teo Soo Heng @ Teo Soo Hang, Awang Suhaili bin Abd. Rahman, Awang Abd. Wahab bin Mokti, Awang Abd. Rahman bin Abdullah dan Awang Rambli bin Kikil @ Ramli.

Manakala, Awang Othman bin Judin juga Pelateh Penolong Pengajar Teknikal di-Jabatan Pelajaran telah di-lantek sa-bagai Pengajar Teknik di-jabatan tersebut pada 1hb. Julai, 1981.

Guru Ugama Terlateh di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Zainal bin Abd. Kahar/Kahar telah di-lantek sa-bagai Nazir Sekolah2 Ugama, ia-itu jawatan dalam bahagian III mulai 1hb. November, 1981.

Kenaikan pangkat juga di-umumkan bagi dua orang Tukang Pelan di-Jabatan Kerja Raya, Ak. Buntar bin Pg. Damit @ Ak. Zainal bin Pg. Damit dan Awang Ibrahim bin Haji Rashid ka-jawatan Tukang Pelan Kanan di-jabatan yang sama. Kenaikan pangkat dari bahagian IV ka-bahagian III bagi kedua-dua pegawai itu telah bermula pada 1hb. Julai, 1982.

Dan Penolong Penguas Bomba di-Jabatan Bomba, Pengiran Omar Ali bin Pengiran Haji Idris @ Pengiran Merali telah di-naikkan pangkat kepada Penguas Pasokan Bomba, ia-itu jawatan dalam bahagian III. Kenaikan bermula

la pada 1hb. Mach, 1982.

Jabatan Perjawatan juga telah mengumumkan pertukaran empat orang pegawai Kerajaan dalam bahagian III. Dayang Jorrah bte Haji Metali, Pegawai Penyelidik di-Dewan Bahasa dan Pustaka telah bertukar sa-bagai Pegawai Penyelidik Pusat Sejarah bermula 20hb. Mei, 1982 dan Dayang Salmah bte Pg. Muda Kahar, Kerani Sulit/Jurutaip di-Jabatan Perjawatan telah bertukar ka-Pejabat Kewangan pada 2hb. Ogos, 1982.

Manakala Awang Chow Yat Kin dan Awang Dandan bin Setia, kedua-duanya Merinyu Kesihatan Kanan dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah di-lantek sa-bagai Merinyu Kesihatan Kanan di-Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, ia-itu jawatan dalam bahagian III pada 1hb. Julai, 1982.

Sementara itu, beberapa orang pegawai dalam per-

khidmatan kontrek telah menamatkan tempoh perkhidmatan masing2.

Awang Stewart Wavell, Pengurus Penerbitan di-Jabatan Radio Talivishen Brunei telah menamatkan tempoh perkhidmatan-nya pada 27hb. Julai, 1982, sementara Awang L. Canute, Jurutera Talikom di-Jabatan Talikom telah menamatkan perkhidmatan-nya pada 26hb. Jun, 1982.

Dua orang Pegawai Pelajaran di-Jabatan Pelajaran, Awang Peter T. Mc Allenan dan Awang Chye Kooi Ngam menamatkan perkhidmatan mereka dengan Kerajaan Brunei pada 1hb. Ogos, 1982, manakala Dayang P. K. Rajaguru, sa-orang guru di-Jabatan Pelajaran telah berhenti pada 31hb. Julai, 1982.

Penolong pengajar Teknikal di-Jabatan Pelajaran, Awang M. B. Camoens juga telah menamatkan tempoh perkhidmatan-nya pada 20hb. Ogos, 1982.



UJI-LAH BAHASA KITA

DALAM ranchangan ke-26, Uji-lah Bahasa Kita minggu ini, menampilkan pasokan MMPSBS/Sekolah Sains bertemu dengan S.I. Berakas bagi sekolah2 menengah bawah. Ranchangan yang masuk ka-separuh akhir ini akan kita ikuti pada hari Jumaat 15hb Oktober, 1982, jam 10.30 pagi dan sekali lagi di-ulangkan pada hari Sabtu jam 9.45 minit malam.

Masakan Minggu Ini :

NASI BUHARA

Bahan2-nya:—

- 2 chupak beras berani
- 1 tahl kismis di-goreng
- 1 chamcha ketumbar
- 1 chamcha teh jintan manis
- 15 tangkai bunga chengkeh
- 15 biji buah pelaga
- 1 ekor ayam di-goreng
- 4 biji telur rebus
- 1/2 kentang di-rebus
- 1 tin susu chair di-jadikan tairu dengan 3 biji limau nipis
- 1/2 kati isi buah barangan
- 1/2 botol kechil ayer mawar
- 2 inci kulit kayu manis
- 1 tahl bawang putih di-goreng
- 3 biji bawang besar di-goreng
- 15 biji bawang merah di-goreng
- 1/2 paund minyak sapi
- sedikit garam dan serbok perasa
- 1 tin tomato juice
- 5 biji tomato buah
- 10 biji lada
- 1 tahl badam
- 5 inchi halia

Chara membuat-nya:—

Ayam di-bersehhkan dan champur dengan garam dan kunyit, bawang puteh dan bawang merah, halia, di-tumbok dan champor pada ayam dan di-goreng. Bawang merah, bawang besar, bawang puteh di-goreng dan di-tumbok halus2. Tumiskan dengan 1/2 paund minyak sapi. Masokkan rempah dan goreng tomato buah dan tomato juice. Tarohkan bawang besar yang telah di-tumbok, garam, ayer dan ayam yang di-goreng. Biarkan empok, baru masokkan buah barangan, badam goreng, lada hijau masak-lah hingga kering, setelah itu masakkan ayer untuk menchelor beras. Masokkan kulit kayu manis, bunga chengkeh, buah pelaga dan garam. Bila mendideh ayer itu, masokkan beras hingga kembang limau, dan toskan. Masokkan beras ka-dalam periok yang lain dan tuangkan minyak dan rempah2 tadi dan ayam. Renjiskan susu chair 1/2 tin bersama ayer mawar yang telah di-rendam dengan warna kuning, tuang ka-dalam pinggan dan hias-lah mengikut suka puan2.

Radio Minggu Ini

UNTOK MENUNGAN ORANG RAMAI

PEGAWAI radio yang penchen esok lusa itu merasa sangat hairan; kenapa orang maseh tetap juga berebut-rebut mahukan jawatan juruhebah itu, pada hal dia sudah berkali-kali menyatakan dalam kesempatan-kesempatan kursus radio atau seminar media massa, bahawa ramai di antara orang-orang yang memegang jawatan itu di dunia, di-serang penyakit darah tinggi, penyakit jantung, kencing manis, gisatrik dan bengkak usus. Disebabkan tugas-tugasnya tidak mengira masa makan, masa tidor. Sudah-lah begitu tamparan keritik datang kiri kanan. Itu tak betul, ini tak kena. Bacha tidak lanchar, sebutan tidak lurus. Suara macham balingkatak musim hujan. Dan macham-macham lagi. Di-harapkan gaji, banyak lagi jawatan-jawatan lain yang lebih baik gaji-nya. Dan semakin di-fikirkan semakin 'paloi' rasa-nya diri, kata pegawai yang akan penchen esok lusa itu.

Shukor, alhamdulillah. Masaalah itu baru dapat di-selesaikan pagi tadi. Dia menemui satu 'resolution' sa-lepas membacha buku karya Professor Dr.

Joehanan Kapliwatzky, sa-orang Maha Guru Bahasa Arab di-Universiti Berlin. Dalam sa-buah cherpen 60 perkataan Professor itu bercherita;

Ahmad bertanya kapada seorang pelaut (kelas kapal) "Bapa saudara mati di-mana?" Pelaut (kelas kapal) itu menjawab, "Bapa saya mati dalam satu perlayaran di-laut." "Dato saudara mati di-mana pula?" "Pun mati ketika dalam pelayaran di-laut." "Sa-lepas kedua-nya mati di-laut, tidak-kah saudara bimbang atau takut-takut menjadi pelaut?" Pelaut itu senyum lalu berkata, "Bapa saudara mati di-mana?" Ahmad menjawab, "Bapa saya mati di-atas katil." "Dato saudara mati di-mana pula?" "Juga di-atas katil." "Dan kenapa saudara tidak takut-takut tidor di-atas katil?"

Sa-lepas membacha cherita pendek yang paling pendek pernah di-temui-nya dalam dunia sastera itu, terbuka terus fikiran pegawai yang akan penchen esok lusa itu. Benar juga apa-lah si-juruhebah yang chuma berhadapan

dengan keritik orang ramai, lebih hebat lagi nasib hidup yang dihadapi oleh seorang perajurit yang setiap waktu berkemungkinan berhadapan dengan peluru. Gadis-gadis jelita peramugari yang sering terbang di-angkasa itu, nyawa mereka turut berputar dengan jentera-jentera pesawat boeing. Para pemain sarkis menggantungkan hidup-nya pada saat-saat kechemasan nyawa-nya yang chuma satu itu. Lantas dia memikirkan hujung dari segala perjalanan hidup ini... di-sana dia bertemu dengan mati? Dia mengingat-ingat seseorang... President Kennedy, Anuar Sadat, Malik Faisal, Marilyn Munroe... dan... dan.....

Ranchangan Seni dan Sastera

SEBUAH lagi ranchangan baru akan di-usahakan dari Bahagian Melayu Radio Brunei. Yang akan pertamanya-tama menemui pendengar-nya di-awal bulan Oktober ini. Ranchangan ini akan memuatkan bahan2-nya seperti sajak, penerangan chara2 menulis drama radio, drama pentas, cherpen, dan novel yang akan di-siarkan se-chara bersiri. Selain dari itu juga ia-nya memuatkan aktiviti2 penulis2 tanah ayer, renchana tentang tarian asli kebudayaan Brunei, shair, pendek kata segala bahan renchana yang berunsurkan sastera dan seni budaya.

Ranchangan ini di-usahakan oleh penerbitnya Awg. Belawan Padan. Ranchangan pertamanya ka-udara pada hari Ahad, jam 2.30 petang.

Sandiwara Radio : SUDAH NASIB SUDAH SURATAN

DENGAN tajok SUDAH NASIB SUDAH SURATAN, maka ternukil-lah sa-chebis kesah yang berthemakan pengorbanan suci dari sa-orang adek terhadap abang kandong-nya sa-bagai mengingatkan jasa2-nya yang belum terbalas.

Andri sangat merasa bertanggungjawab terhadap Diman, abang-nya yang mengidap penyakit buah-pinggang yang telah lama di-alami-nya dan hanya akan dapat di-selamatkan melalui pembedahan dan pendermaan buah-pinggang.

Andri dengan sa-bulat hati-nya telah mengambil keputusan untuk mendermakan satu daripada buah-pinggang-nya demi untuk keselamatan-nya. Akibat dari itu-lah per-

sengketaan timbul di-antara Andri dan Aidah bakal isteri-nya. Sikap yang bertentangan itu telah menimbulkan reaksi yang tidak menyenangkan dari Aidah sendiri, kerana ia tidak rela untuk bersuamikan sa-orang yang tidak chukup sifat-nya.

Walaupun Aidah telah membuat keputusan-nya sendiri, namun Andri tidak berganjak dari hasrat hati-nya. Keputusan Aidah itu diterima-nya dengan hati yang terbuka demi untuk kepentingan abang-nya Diman. Dan ia telah pun dengan selamat-nya menjalani pembedahan buah-pinggang itu.

Dalam pada itu, Aidah telah pun berjaya mendapatkan pengganti Andri. Dan akhir-nya ia berkahwin

dengan Rashid pemuda pilehan-nya yang baru. Sa-telah berumah-tangga Aidah ternyata tidak bahagia kerana ada sesuatu yang kurang dalam kehidupan mereka. Di-saat2 begitu-lah Aidah memerlukan Andri, lebeh2 lagi sa-telah ia berpisah dengan suami-nya.

Mungkin-kah hubungan yang telah terputus selama ini akan bertaut kembali, atau-kah Andri akan bertindak sebalik-nya? Untuk mengetahui penutup sandiwara ini, para pendengar di-persilakan untuk mengikuti siaran-nya pada 17hb. Oktober, 1982 jam 10.30 pagi.

Ranchangan ini ada-lah terbitan Dayang Zainab Haji Taha.



SIRI MAGNUM malam ini membabit keperchayaan kuno dan moden. Episod-nya bertajok: DEAD MAN'S CHANNEL.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU 13HB OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 UNDER THE MOUNTAIN (Siri Baru)
- 5.30 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 JOE'S WORLD
- 6.12 AZAN MAGHRIB
- 6.22 JOE'S WORLD — Sambongan
- 6.30 INTO THE LABYRINTH: "Conflict" Terry, Helen dan Phil terperangkap dalam satu tempat yang gelap gelita dan ini menandakan dalam satu zaman kehidupan yang lain pula.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KING'S CROSSING: "Home Front"
- 7.28 AZAN ISHA
- 7.32 KING'S CROSSING — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 ONE OF THE BOYS: "Too Much To Lose"
- 9.35 MAGNUM: "Dead Man's Channel" Keperchaan kunu dan moden memberikan Magnum satu tugas yang bahaya dan mencabar yang pernah di-hadapinya.
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Panic On Page One" Kisah mengenai kestabilan dan keharmonian satu komuniti yang terancam oleh sebuah surat khabar, yang menghadapi kemerosotan kewangan, memuat dan mengeksploitasi kes jenayah yang jahat. Pelakon2: David Janssen, Robert Vaughn, Perry king, dll.
- 11.55 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 14HB OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FLINTSTONE FROLICS
- 6.12 AZAN MAGHRIB
- 6.22 FLINTSTONE FROLICS — sambongan
- 6.30 WILD KINGDOM "Wild Life's Last Chance"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 PETROCELLI: "Death Ride" Tony Petrocelli meragui pengakuan seorang clown rodeo yang mengupah Tony untuk membelanya, sedangkan dia sendiri membunuh johan rodeo itu.
- 7.28 AZAN ISHA
- 7.32 PETROCELLI — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.33 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 THE AWAKENING LAND "The Trees" Bgh. I (siri Baru) Kira2 dalam tahun 1790 Sayward Luckett menjadi ketua keluarga setelah ayahnya pergi jauh berniaga dan ibunya meninggal dunia. Setelah beberapa kejadian trajik, Sayward bertemu dan berkahwin dengan Portius Wheeler seorang peguam Massachusetts yang kemudian juga pergi bersendirian untuk mengadu nasib nya.
- 10.35 MORECAMBE AND WISE SHOW

- 11.05 MINDER: "The Birdman Of Wormwood Scrubs" Wang curian sejumlah suku juta maseh lagi belum dijumpai setelah 14 tahun lamanya. Terry percaya seorang bekas pekerja bank yang mengambilnya.
- 12.05 THAT'S HOLLYWOOD:
- 12.35 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 15HB OKTOBER

TENGAHARI

- 12.00 LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 TAKZIR
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT
- 12.50 KHUTBAH

PETANG

- 1.00 HIDAYAT (Ulangan)
- 1.25 GAMES PEOPLE PLAY
- 2.20 HAPPY GO ROUND
- 3.15 RANCANGAN TIGA MINIT
- 3.30 AZAN ASAR
- 3.33 RANCANGAN TIGA MINIT — Sambongan
- 3.50 THE ANIMAL WORLD "Beaver"
- 4.00 KUNTUM SENI
- 4.20 KAP KAP UDANG
- 4.50 MUNCH BUNCH: "Once In A Blue Moon"
- 5.10 SONG BOOK
- 5.30 PANCAIRAMA NO: 3
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YOU ASKED FOR IT
- 6.12 AZAN MAGHRIB
- 6.22 YOU ASKED FOR IT — Sambongan
- 6.30 INTERNATIONAL AWARD THEATRE "The Orphans"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 EIGHT IS ENOUGH "Welcome To Memorial, Dr. Bradford" Abby mendapat degree Ph. D. dalam pelajaran dan ditawarkan tugas sebagai counselor di Memorial High School.
- 7.28 AZAN ISHA
- 7.32 EIGHT IS ENOUGH — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DRAMA: Kembali Kepangkuan Ibunda (ulangan)
- 9.05 KNOT'S LANDING: "Moving In"
- 9.55 FAWLTY TOWERS
- 10.25 GUSTI
- 10.55 POP IN GERMANY (Rancangan Baru) Menghidangkan lagu2 pop dari Germany.
- 11.25 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 16HB OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 HERO HIGH
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.21 HERO HIGH — Sambongan
- 6.40 WORLD OF BIRDS "Bird of A Border Estate"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAPPER JOHN M.D. — "Doctor And Other Stranger"
- 7.26 AZAN ISHA
- 7.31 TRAPPER JOHN — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MARI MEMASAK: "Nasi Buhara" — Resepinya ada disiarkan dimuka lain akhbar ini.
- 9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Dr. Firdaus" "Berdampingan denganmu dunia seakan taman bunga. Kalau kau ketawa, bunga2 seakan ikut ketawa" Pelakon2: Fadli, Lenny Merlina, Wahab Abadi, Kusno Sujarwadi, Sofia W.D.



THE AWAKENING LAND — satu siri baru drama masyarakat kira-kira 200 tahun dahulu di-sekitar Massachusetts, Amerika Sharikat. Ranchangan ini bermula Khamis esok kira2 jam 9.30 malam.

- 11.05 TAYANGAN LARUT MALAM: "House Of Usher" Dua beradek adalah dari satu keluarga yang disumpah sejak beberapa keturunan. Abangnya membuat segala helah untuk menghentikan perkahwinan adek perempunya kerana tidak mahu melibatkan perhubungan darah dengan orang lain. Pelakon2: Vincent Price, Mark Damon, Myrna Fahey, Harry Ellerbe, dll.
- 12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 17HB OKTOBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 BUGS BUNNY: "Bugs Bunny's Howl-Oween Special"
- 2.45 THE JEFFERSONS
- 3.10 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.30 AZAN ASAR
- 3.33 BIG LEAGUE SOCCER — Sambongan
- 3.55 MEMOIRS OF A FAIRY GODMOTHER
- 4.25 KAP KAP UDANG
- 4.55 FIRST AID: "Danger of Suffocation"
- 5.10 GROWING SUMMER: "Blood"
- 5.40 SCIENCE INTERNATIONAL
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BRADY KIDS: "It's All Greek To Me"
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.21 BRADY KIDS — Sambongan
- 6.35 HARPER VALLEY (Episod terakhir)

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SHANNON (Episod Terakhir) "John's Awakening"
- 7.26 AZAN ISHA
- 7.31 SHANNON — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 KELAB DONDANG SAYANG
- 9.05 THREE'S COMPANY: "The Older Women" Jack Jatoh hati pada sepupu Mrs. Roper, Barbara, yang telah berusia kira2 40 tahun. Semua kawan-kawanya terkejut.
- 9.35 DOCUMENTARY: SPIRIT OF ASIA — "The Story Of Rama"
- 10.05 WINSTON CHURCHILL: THE WILDERNESS YEARS "The Long Tide Of Surrender"
- 11.05 ARMCHAIR THRILLER "Chelsea Murders" Bgh. 6 (Episod Terakhir)
- 11.35 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 18HB OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG

- 4.55 THE MUNCH BUNCH "Too Many Chef"
- 5.10 LIDSVILLE
- 5.35 BERITA AWAL
- 5.40 DOA AKHIR DAN AWAL TAHUN HIJRAH
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.21 THAT'S INCREDIBLE

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FREEBIE AND THE BEAN: "The Seduction of The Bean" Freebie dan Bean ditugaskan menyiasat pehak yang bertanggungjawab keatas pembezaan sebuah apartment yang mana bangunan nya telah roboh sesudah pembangunan dan perbelanjaanya diselesaikan.
- 7.26 AZAN ISHA
- 7.31 FREEBIE AND THE BEAN — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CHERAMAH HIJRAH
- 8.45 RANCANGAN KHAS HIJRAH
- 9.45 LIPUTAN NASIONAL
- 10.15 SARA DANE
- 11.05 Cosmos (Episod Terakhir) "Who Speaks for Earth?"
- 12.05 HOUSE CALLS "No Balls, One Strike" Apabila kakitangan Kensington Hospital mogok, Ann Anderson juga ikut sama. Dr. Michaels yang tidak ikut serta terpaksa menyuci lantai dan mengangkat bedpans hospital.
- 12.35 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 19HB OKTOBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN & MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 EGYPTIAN MOSQUE
- 2.45 IRAMA DAKWAH
- 3.15 FILEM RENCANA: "Children of Indonesia"
- 3.45 CARTOON SPECIAL "Healthcliff and the Digbat and the Creeps"
- 4.10 FILEM RENCANA: "Pulo Manuk"
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 ENCHANTED CASTLE
- 5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSON ANIMATION "The Bishop" Bgh. 2
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NATURE OF THINGS
- 6.11 AZAN MAGHRIB
- 6.21 NATURE OF THINGS — Sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CODE RED "Riddle in Flames" (Episod Terakhir)
- 7.26 AZAN ISHA
- 7.31 CODE RED — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 CHERAMAH HIJRAH
- 8.45 ARENA SOKAN: "Commonwealth Games"
- 9.45 THE PROFESSIONALS
- 11.45 TAYANGAN GAMBAR: "Once Upon A Spy"
- 12.15 SIARAN TAMAT.

GADONG. — Simposium Bahasa dan Sastera anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dengan kerjasama Persatuan Asterawani telah diadakan di Dewan Jubli Perak Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah di sini pada hari Rabu, 29hb, September yang baru lalu.

Pembukaan rasminya telah di-sempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wi-

jaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abd Aziz bin Began Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar.

Lebih dua ratus orang peserta telah menghadiri simposium tersebut yang terdiri dari penuntut2 sekolah, guru2 dan para penchinta bahasa dan sastera tanah ayer, juga termasuk peserta2 dari Sabah dan Sarawak.

Sa-banyak empat buah kertas kerja telah di-ben-

tangan pada hari itu yang mana dua dari-nya di-tulis oleh tokoh2 bahasa dari Malaysia. Mereka itu ialah Datuk Haji Hassan bin Ahmad, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dengan kertas kerja-nya berjudul 'Peranan DBP Malaysia Dalam Perkembangan Bahasa Dan Sastera Melayu Di-Nusantara,' dan Prof. Datuk Ismail bin Hussein, Prof. Kesusasteraan Universiti Malaya merangkap

Ketua I GAPENA, membentangkan kertas kerja-nya berjudul 'Bahasa, Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu Di-Nusantara.'

Sementara dua lagi kertas kerja yang masing2 ditulis oleh Pg. Badaruddin bin Pg. Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, berjudul 'Peranan DBP Dalam Bidang Bahasa Dan Sastera Melayu Di-Brunei,' dan Awang Sumadi Sukaimi, Ketua I Asterawani dengan kertas kerja-nya berjudul 'Peranan Dan Sumbangan Asterawani Terhadap Perkembangan Bahasa Dan Sastera Melayu Brunei.'

Dalam kertas kerja Datuk Haji Hassan Ahmad, antara lain beliau menyebutkan pengembangan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa sa-rantau perlu di-buat sa-chara total. Kesannya, semangat-nya, perlu merebak dan sampai kepada seluruh raayat Nusantara.

Penglibatan dalam kerjasama ini mesti lebih besar dan luas. Bahasa Melayu mesti sampai ka-seluruh rantau ini, ka-Indonesia, ka-Singapura, ka-Brunei, ka-Malaysia, ka-kawasan2 Bahasa Melayu yang lain, malah sa-hingga ka-dunia di-luar Nusantara, di-luar kawasan Bahasa Melayu, merempoh batas2 sempadan negara dan negeri kita masing2, dan penyebaran yang luas dan menyeluruh ini hanya boleh berlaku melalui buku dan sastera yang tertulis dalam Bahasa Melayu, jelas-nya.

Oleh kerana itu, beliau menhadangkan supaya kita mengadakan kerjasama yang lebih luas, meliputi bahasa, sastera dan penerbitan (buku). Kita boleh mengujudkan kerjasama ini, tambah-nya, baik sa-chara rasmi, sa-chara formal, antara kerajaan dengan kerajaan, antara badan kerajaan dengan badan kerajaan, atau melalui badan2 penulis, persatuan2 penerbit buku dan juga melalui perhubungan antara orang perseorangan yang berpengaruh dalam bidang masing2.

SEKITAR SI

Prof. Datuk Ismail menjelaskan pengguna yang paling aktif ada-lah masyarakat kota dan elita, dan mereka ini telah meningkatkan Bahasa Melayu itu ka-taraf keilmuan dan kebudayaan yang tinggi lagi kosmopolitan yang berbeza dengan Bahasa Melayu di-Dunia Melayu, bahasa Melayu di-Dunia Indonesia telah menjadi chukup terbuka dan dinamik, mengachapkan kebudayaan yang amat heterogen.

Beliau menambah, dinamika bahasa Melayu di-Dunia Indonesia itu nampak-nya hampir2 tidak terkejar oleh pengguna2 di-Dunia Melayu.

Pg. Badaruddin bin Pg. Ghani dalam kertas kerja-nya beliau menyebutkan bahawa konsep pembenaan dan pengembangan bahasa yang di-gunakan oleh Jabatan Dewan Bahasa Dan Pustaka ia-lah perancangan bahasa sa-chara sedar untuk menchapai bahawa konsep pembenaan chita2 atau tujuan tertentu.

Kata-nya, dalam hubongannya dengan negara Brunei, proses pembenaan dan pengembangan bahasa yang di-jalankan berhubong rapat dengan chita2 pembenaan negara (nation-building), ia-itu dengan menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi dalam sektor pendidikan, pentadbiran dan undang2.

Beliau menerangkan bahawa konsep pembenaan bahasa bererti usaha yang di-jalankan untuk membantu dan memperkukoh kegiatan2 pengembangan bahasa melalui rumusan2 penyelesaian konsep2 bahasa, sementara istilah pengembangan bahasa pula khusus merujuk usaha memajukan dan memperkayakan bahasa untuk menchapai chita2 mendaulatkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi.

Sementara kertas kerja yang ka-empat telah dibentangkan oleh Awang Sumadi Sukaimi, antara lain kata beliau, jika ditinjau dari sudut sejarah perjalanan Asterawani, strategi2 yang telah di-ran-changkan dan di-laksanakannya hampir kesemua-nya bersifat non-rebolusiner kerana persatuan ini lebih banyak mengamalkan taktik2 abolusi. Mungkin ini lebih sebat dengan tata-chara kita orang Brunei, risik2, dengar2, pandang2, rundung2 atau 'bepakat' baharu-lah membuat.

Beliau menerangkan bahawa konsep pembenaan bahasa bererti usaha yang di-jalankan untuk membantu dan memperkukoh kegiatan2 pengembangan bahasa melalui rumusan2 penyelesaian konsep2 bahasa, sementara istilah pengembangan bahasa pula khusus merujuk usaha memajukan dan memperkayakan bahasa untuk menchapai chita2 mendaulatkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi.

Sementara kertas kerja yang ka-empat telah dibentangkan oleh Awang Sumadi Sukaimi, antara lain kata beliau, jika ditinjau dari sudut sejarah perjalanan Asterawani, strategi2 yang telah di-ran-changkan dan di-laksanakannya hampir kesemua-nya bersifat non-rebolusiner kerana persatuan ini lebih banyak mengamalkan taktik2 abolusi. Mungkin ini lebih sebat dengan tata-chara kita orang Brunei, risik2, dengar2, pandang2, rundung2 atau 'bepakat' baharu-lah membuat.

Beliau menerangkan bahawa konsep pembenaan bahasa bererti usaha yang di-jalankan untuk membantu dan memperkukoh kegiatan2 pengembangan bahasa melalui rumusan2 penyelesaian konsep2 bahasa, sementara istilah pengembangan bahasa pula khusus merujuk usaha memajukan dan memperkayakan bahasa untuk menchapai chita2 mendaulatkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi.

Beliau menerangkan bahawa konsep pembenaan bahasa bererti usaha yang di-jalankan untuk membantu dan memperkukoh kegiatan2 pengembangan bahasa melalui rumusan2 penyelesaian konsep2 bahasa, sementara istilah pengembangan bahasa pula khusus merujuk usaha memajukan dan memperkayakan bahasa untuk menchapai chita2 mendaulatkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi.

Beliau menerangkan bahawa konsep pembenaan bahasa bererti usaha yang di-jalankan untuk membantu dan memperkukoh kegiatan2 pengembangan bahasa melalui rumusan2 penyelesaian konsep2 bahasa, sementara istilah pengembangan bahasa pula khusus merujuk usaha memajukan dan memperkayakan bahasa untuk menchapai chita2 mendaulatkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi.

Beliau menerangkan bahawa konsep pembenaan bahasa bererti usaha yang di-jalankan untuk membantu dan memperkukoh kegiatan2 pengembangan bahasa melalui rumusan2 penyelesaian konsep2 bahasa, sementara istilah pengembangan bahasa pula khusus merujuk usaha memajukan dan memperkayakan bahasa untuk menchapai chita2 mendaulatkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi.



DATUK Haji Hassan bin Ahmad, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, sedang menerima chenderamata yang di-sampaikan oleh Pg. Badaruddin bin Pg. Ghani Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Gambar bawah sa-bahagian dari perjumpaan khas di-majlis pembukaan rasmi simposium.

29HB. SEPT. 1982



Oktober, 1982.

IMPOSIUM BAHASA DAN SASTERA

OLEH: MUHAIMIN HJ. MOHD.

GAMBAR-GAMBAR OLEH: PG. YAKOB.

yang pertama, ia-lah me-
kaum penulis
banyak, mening-
masyarakat demi
persefahaman
chintaan terha-
bahasa dan sas-
tara yang gigih
wani berjaya di-

Sumadi berpen-
awa menyatu-pa-
um penulis di-
ada-lah satu
gigih tapi ru-
ajar pula dibe-
yang sa-patut-
proses mem-
asa dan nega-
rdaulat, kita ti-
pu bersendiri
perpechah-belah.
am-menghentam
kerana itu
rangkan tena-
sedia-nya se-
mbuang masa.

menguntungkan kaum op-
portunis dan merugikan
bangsa serta negara kita
sendiri dan sekali gus ber-
erti akan merugikan baha-
sa dan sastera kita sendiri.

Sa-lanjut-nya kata beli-
au, bahasa dan sastera me-
rupakan satu dunia seni
yang punya keistimewaan
kapada kaum penulis dan
sudah barang tentu pula
menjadi kewajipan kita,
baik sa-bagai penulis atau
pendokong bahasa dan sas-
tera Melayu Brunei meng-
gunakan sa-tiap peluang
yang ada dan mengguna-
kan sa-tiap keistimewaan
yang ada untuk menjamin
ketahanan dan keutuhan
bahasa dan sastera kita ba-
gi faedah bersama.


Antara yang hadir di-
majlis pembukaan rasmi
itu ia-lah Yang Amat Mu-
lia Pengiran Setia Negara
Pg. Haji Mohd. Yusof bin

Pg. Haji Abd. Rahim, Pe-
hin Orang Kaya Amar Di-
raja Dato Seri Utama Dr.
Haji Mohd. Jamil Al-Sufri,
Yang Berhormat Pengetua
Pegawai Hal Ehwal Uga-
ma Brunei, Pehin Orang
Kaya Ratna Diraja
Dato Seri Utama Awang
Haji Mohd. Zain, Yang
Berhormat Pengarah Ke-
bajikan Belia Dan Sokan,
Pehin Jawatan Luar Pe-
kerma Raja Dato Seri Pa-
duka Awang Haji Hus-
sein, Yang Berhormat Pe-
hin Datu Imam Dato Seri
Paduka Awang Haji Abd.
Hamid, Pegawai2 Kanan
Kerajaan dan Ketua2 Ja-
batan.

Sementara Penutup Ras-
mi Simposium tersebut te-
lah di-lakukan oleh Penga-
rah Dewan Bahasa Dan
Pustaka Brunei, Pengiran
Badaruddin bin Pengiran
Ghani.



YANG Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg: Haji Abdul Aziz ketika menerima chenderamata kenangan sempena simposium tersebut. Gambar bawah pula kelihatan sa-bahagian dari penchinta Bahasa dan Sastera dari Brunei, Sabah dan Sarawak yang menyertai Simposium.



ranchangan2 RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP2 HARI:

PAGI:

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria

TENGAHARI

12.00-12.45 Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
1.00 Majallah Radio siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)

PETANG

6.00 Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib.

MALAM

10.15 Bachaan Al-Kor'an
10.24 Do'a Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita2 dalam dan luar negeri)
10.00 pagi
12.45 tengahari
1.30 tengahari (tiap-tiap hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban)
9.30 malam Berita Dunia dari BBC London.

Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

HARI RABU

13HB OKTOBER

PAGI: 7.00 — Panduan Sokan, 8.30 — Taman Mekar (Siaran Ulangan), 9.00 — Permintaan Pagi Rabu, 10.15 — Rampaian Joget, 10.30 — Rimba Raya, 10.45 — Riang Ria, 11.00 — Dendang Elvy Sukarseh, 11.30 — Autograph Pendengar. T/HARI: 1.30 — Hiboran Paduan Suara. PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Chitra Irama, 3.15 — Hiboran Petang, 3.30 — Gazal (SU), 4.00 — Tinjauan, 4.15 — Senandung Budaya, 4.30 — Bangsaawan Di-udara (Indera Bangsaawan — siri 2), 5.00 — Serbanika Hiboran (Siaran Ulangan), 5.45 — Rampaian Asli, 5.50 — Bingkisan Hari Ini, 7.00 — Rangkaian Lama dan Baru, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Belia Mewakili Zamanya, 9.45 — Kenangan Mengusik Jiwa.

HARI KHAMIS

14HB OKTOBER

PAGI: 8.30 — Hiboran Untuk Adek-Adek (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Penglipor Lara, 10.30 — Rampaian London, 10.45 — Aneka Lagu, 11.00 — Permintaan Sukaramai. T/HARI: 1.30 — Chitra Wara (SU). PETANG: 2.00 — Keroncong, 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiboran Petang, 3.35 — Rimba Raya (SU), 3.50 — Instrumental Inggeris (Sentimental), 4.00 — Sandiwara Radio (SU), 4.30 — Majallah Ugama, 5.00 — Lagu-lagu Berirama Gambus, 5.45 — Lagu-lagu Nasihat, 5.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Lagu-lagu Asli, 8.30 — Bimbingan Al-Kor'an, 9.00 — Tafsir Al-Kor'an, 9.45 — Hidayat.

HARI JUMAAT

15HB OKTOBER

PAGI: 8.30 — Majallah Radio (SU), 9.00 — Suara Gambus, 9.30 — Tafsir Al-Koran, 10.15 — Soalan DiUdara, 10.30 — Ujilah Bahasa Kita, 11.00 — Lagu-lagu Asli, Zapin dan Gazal, 11.30 — Bimbingan Al-Koran (SU). T/HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Al-Koran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nashid. PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong, 3.15 — Panduan Sokan, 3.20 — Apa Pendapat Awda/Hiboran, 4.00 — Surat dari London, 4.15 — Hiboran, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Tinjauan (SU), 5.45 — Sayu dan Merdu, 5.55 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Cerpen dan Salokan, 8.30 — Bahas/Kuiz Sekolah2, 9.00 — Majallah Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun.

HARI SABTU

16HB OKTOBER

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Diudara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Diudara (SU), 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Hiboran, 3.30 — Cerpen dan Salokan (SU), Lagu2 Dari Filem, 1.45 — Selingkar Madah. PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Apa Pendapat Awda (SU)/Hiboran, 3.30 — Cerpen dan Salokan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Fukas Radio, 5.00 — Intisari Rancangan, 5.15 — Rangkaian Lama dan Baru, 6.55 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsaawan Diudara (SU), 9.45 — Ujilah Bahasa Kita (SU).

HARI AHAD

17HB OKTOBER

PAGI: 8.30 — Majallah Radio, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Suara Kugiran, 10.15 — Seni dan

Sastera, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Dunia Wanita. T/HARI: 12.00 — Tahniah dan Ucapan Selamat, 12.32 — Hiboran Untuk Awda. 1.00 — Permintaan Hari Minggu. PETANG: 2.00 — Bahas/Kuiz Sekolah2, 2.30 — Hiboran, 3.15 — Panduan Sokan, 3.20 — Irama Gembira, 3.35 — Majallah Sokan, 4.00 — Citra Wara, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Hiboran, 5.45 — Hiboran Senja, 6.15 — Irama Dakwah, 6.55 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Titian Budaya 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Keroncong, 9.45 — Dibuang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama dan Baru).

HARI ISNIN

18HB OKTOBER

PAGI: 8.30 — Serbanika Hiboran, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Sains dan Perusahaan, 11.00 — Permintaan Sukaramai. T/HARI: 1.45 — Seni dan Sastera (Siaran Ulangan), 1.30 — Hiboran PETANG: 2.00 — Kenangan Mengusik Jiwa (Siaran Ulangan), 2.30 — Hiboran, 3.15 — Rampaian Joget, 3.35 — Mari Berpantun (SU), 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 5.00 — Pilehan Juruhebah,

6.55 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Senandung Ria, 8.30 — Ku Tujukan Lagu, 9.45 — Senandung Malam.

HARI SELASA

19HB OKTOBER

PAGI: 8.30 — Suara Parajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Permintaan Kaum Wanita, 10.15 — Lagu2 Berirama Hindustan, 10.30 — Rampaian London, 10.45 — Lagu-lagu Hiboran, 11.00 — Autograph Pendengar (SU), 11.30 — Gazal. T/HARI: 1.30 — Lukisan Masyarakat (SU). PETANG: 2.00 — Ku Sampaikan Salam, 3.15 — Gema Silam, 3.35 — Suara Kugiran (SU), 4.00 — Gema Keroncong (SU), 4.30 — Belia Mewakili Zamanya, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — Sayu dan Merdu, 6.55 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Ruangan Ketani (SU), 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Fukas Radio (SU), 9.45 — Selingkar Madah (SU), 10.00 — Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

8.00 Classical music with Rory Higgins
8.45 Classical music with Rory Higgins
9.30 Classical music with Rory Higgins

Thursday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow

Daily

A.M.

7.00 BBC and Local News
7.15 Brunei's A.M.
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays.
12.00 Lunch Break until 1.30 — except Fridays and Sundays
8.30 Radio Newsreel
9.15 News

HOLIDAYS — Friday

A.M.

11.00 34th Edinburgh International Festival — Literary Event: Anthony Burgess Part 2 (Repeat)

8.45 Stereo Pop Special: "Japan" Side 1 — 249
9.30 Country Club

Saturday

P.M.

8.00 Hits In Germany
8.45 Animal, Vegetable or Mineral (repeat)
9.30 Top Of The Pops.

Monday

8.00 Profile — Elton John Part 2 (first half) Repeat

11.30 Children's Half Hour

12.00 Soundtrack of The Sixties

12.45 My Music

1.15 15-Minute Theatre: "Time Out Of Season" by Colin Finbow

8.00 The World of Books

8.45 International Money Programme

9.00 Perspective

9.30 An Evening with Barry Manilow — 18

Sunday

A.M.

11.00 Practical World

8.45 Up The Belait Without A Paddle — with guest: Major Rambahadur Gurung
9.30 All That Jazz — 19

Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood — 12

11.15 Profile — Elton John: Part 2 (1st. half)

11.45 London This Week

12.00 Animal, Vegetable or Mineral

1.00 Top Of The Pops.

1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 34th Edinburgh International Festival Literary Event — Use and abuse of English

8.30 English Examined

8.45 Science Pop

9.30 Drama: "The Detective" by Robert Barr Tonight's episode "Time On Their Hands"

SOKAN BOLA TAMPAR DI-MINATI



Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyampaikan piala kemenangan kepada ketua Pasokan Keselamatan Gurkha.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkembangan sokan Bola tampar sungguh menggalakkan dengan bertambahnya minat ahli2 sokan tanah ayer menchaborkan diri dalam sokan tersebut.

Ini telah diakui oleh salah sa-orang ahli Persatuan Bola tampar Kebangsaan Negeri Brunei yang telah ditubuhkan sejak tiga tahun lalu.

Sejak penubuhan-nya Persatuan Bola tampar

bukan saja berjaya menyatukan pemain2 berkebolehan menjadi Pasokan Pemain Kebangsaan malah juga telah berjaya meletakkan mereka di-gelanggang antarabangsa bilamana tahun lalu Pemain Kebangsaan telah mewakili negeri ini dalam Sokan Sea yang diadakan di-Manila.

Sa-bagai projek tahunan-nya Persatuan Bolatampar Kebangsaan telah menganjurkan kejohanan Bola tampar terbuka bagi Jabatan2 kerajaan, firma2, sharikat2, sekolah2 dan maktab2 seluruh negeri untuk memperingati ulangtahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan.

Persatuan tersebut juga telah menyertai Pesta Sokan yang di-anjurkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan tahun lalu.

Baru2 ini Persatuan menambahkan lagi kegiatannya dengan menganjurkan satu lagi perlawanan yang hanya terbuka kepada Jabatan2 Kerajaan.

Perlawanan ada-lah bagi merebut Piala Lela Cheteria yang di sumbangkan oleh Yang Amat

Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz yang juga sa-laku Yang Dipertua bagi persatuan tersebut.

Perlawanan yang julong2 kalinya di-anjurkan itu telah di-sertai oleh 9 pasokan lelaki dan 2 pasokan wanita di-mana peringkat awal-nya telah di-jalankan dalam bulan September lalu bertempat di-Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkihah di Gadong.

Dalam perlawanan peringkat akhir yang telah berlangsung di-Pusat Belia di-sini minggu lalu, Bahagian lelaki telah di-menangi oleh Pasokan Keselamatan Gurkha setelah menewaskan Pasokan Keselamatan Pulis.

Johan dalam Bahagian Perempuan telah di-sandang oleh Pasokan Askar Wanita Melayu Diraja Brunei dan berjaya memenangi Piala rebutan yang di-sumbangkan oleh Pengiran Roslan bin Pengiran Haji Metussin dari Sharikat Mega.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

LIGA PIALA AZIZ DI-TERUSKAN

BANDAR SERI BEGAWAN — Perlawanan Bolasepak Piala Aziz diteruskan dengan tiga lagi perlawanan yang akan di-jalankan di-Padang SMJA di-sini dalam minggu ini.

Pasokan Setiausaha Kerajaan di-jangka menemui Pasokan Jabatan Kerja Raya Jumaat ini. Jabatan Kastam dan Eksais akan bertemu dengan Jabatan Penerbangan Awam pada hari Ahad manakala Jabatan Pelajaran akan menemui Pasokan Jabatan Audit Selasa depan.

Dalam dua perlawanan yang telah di-jalankan minggu lalu, Pasokan Jabatan Pelajaran telah mengalahkan Pasokan Jabatan Pertanian dengan jaringan 5 berbalas 2. Sementara itu Pejabat Letrik pula mengalahkan Jabatan Bandar dengan jaringan 3 — 0.

Perlawanan Piala Aziz ada-lah bagi merebut Piala yang di-sumbangkan oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Pasokan2 yang bertarong dalam perlawanan tersebut ada-lah merupakan wakil2 jabatan kerajaan yang telah memenangi perlawanan dalam liga masing2.

Tahun ini ada-lah merupakan perlawanan yang ka-dua dan di-tuan rumahkan oleh Jabatan Pelajaran.



DATO Paduka Awg. Hj. Abdullah menyampaikan hadiah kepada johan bergurau bagi peserta2 berumur 50 tahun keatas Awg. Ahad bin Wahid dari Pasokan Jabatan Pertanian.

Pasokan gasing Pulau Gapor johan perlawanan gasing

JERUDONG — Perlawanan akhir gasing yang di-kelolakan oleh Persatuan Kebajikan Mukim Sengkurong (PEKEMAS) telah berlangsung pada 24hb September yang baru lalu di-Pantai Jerudong bermula jam 7.30 pagi.

Perlawanan ada-lah di-anjarkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Sempena Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-36 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara.

Sa-banyak lima buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut yang berkeputusan dengan Pasokan Pulau Gapor menjadi johan, naib johan Pasokan Jabatan Pertanian dan tempat ka-tiga di-menangi oleh Pasokan Mulaut Bebatik.

Johan perlawanan bergurau bagi peserta2 yang berumur 50 tahun ka-atas

telah di-menangi oleh Awang Ahad bin Wahid, tempat ka-dua Awang Asar bin Othman dan tempat ka-tiga Awang Haji Bangok bin Hj. Tahir.

Awang Zakri bin Lamat telah menjadi johan dalam perlawanan bergurau bagi kanak2 yang berumur 15 tahun ka-bawah, naib johan Awang Muhammad bin Salleh dan tempat ka-tiga Awang Mustafa bin Haji Bakir. Awang Kamis bin Hashim telah terpilih sa-bagai pemain terbaik.

Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Md. Jaafar Pegawai Daerah Brunei dan Muara telah menyampaikan hadiah2 kepada para pemenang. Turut hadir di-majlis itu ia-lah Dato Paduka Awang Haji Judin bin Asar sa-laku Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Mukim Sengkurong dan penghulu2 serta ketua2 kampung. — TB.



